

# PERJUMPAAN KONTINJEN TUDM MALBATT 850-6



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5110-perjumpaan-kontinjen-tudm-malbatt-850-6](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5110-perjumpaan-kontinjen-tudm-malbatt-850-6)

LEBANON, 19 Jun 19 -. Ketua Pengarah Operasi Logistik Pertahanan, Bahagian Logistik Pertahanan Markas ATM, Brig Jen Mohamad Shuairi bin Abdullah TUDM telah mengadakan sesi dialog bersama Kontinjen TUDM MALBATT 850-6 di Conference Room, Kem Marakah, Lebanon.

Antara nasihat yang disampaikan oleh beliau adalah berkenaan pengurusan masa & kewangan serta menjaga nama baik negara & perkhidmatan sepanjang bertugas sebagai anggota Misi Pengaman.

Selain itu, beliau juga menekankan tahap disiplin yang perlu dikekalkan sebagai anggota tentera yang terlatih dalam mengharungi berbaki 3 bulan sebelum tamat misi dijangka pada pertengahan September 19. Turut hadir Ketua Kontinjen TUDM MALBATT 850-6, Lt Kol Mohd Omar TUDM.

